

# PM belum puas hati tahap kecekapan pentadbiran awam

**KOTA KINABALU** 23 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau masih tidak berpuas hati dengan tahap kecekapan pentadbiran awam termasuk sistem penyampaiannya dan mahu supaya usaha berterusan dibuat bagi memperbaikinya.

Perdana Menteri berkata, walaupun perkara itu sudah disebutkannya beberapa kali, ia adalah isu yang penting dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak terutama sekali kakitangan awam bagi memastikan matlamat pembangunan negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dicapai dengan jayanya.

"Pasal meningkatkan kecekapan, bukan nasihat baru... pasal hendak meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, bukan baru tetapi kita masih bercakap pasal tajuk ini termasuk integriti kerana usaha kita untuk mencapai tujuan itu dan matlamat yang kita mahukan masih belum diperoleh.

"Belum memuaskan, kita dengan itu masih perlu bekerja lagi," katanya ketika

Um-24/11/2006  
**Malaysia tidak boleh mudah berpuas dengan pencapaian sedia ada kerana orang lain terus meningkatkan usaha mereka untuk bersaing dan maju**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

berucap merasmikan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan dan Pengurusan Kerajaan Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Abdullah berkata, bahawa pada masa ini, apabila media melaporkan berhubung kemajuan negara atau tahap daya saing yang dimiliki, ia sering dikaitkan dengan kelemahan dari segi sistem penyampaian.

Jika tidak diatasi, keadaan itu boleh menimbulkan persepsi dan pandangan tidak baik termasuk tanggapan bahawa walaupun RMK-9 satu rancangan yang baik, ada keraguan untuk mencapai matlamatnya.

Abdullah berkata, untuk mencapai segala aspek dalam RMK-9 dan untuk mengelak tanggapan sedemikian, pegawai awam

perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan memberi nilai tambah kepada ilmu mereka sesuai dengan perkembangan semasa.

"Pegawai awam tidak boleh berpuas hati dengan pengetahuan yang dimiliki sebaliknya perlu terus meningkatkan ilmu pengetahuan tentang selok-belok pentadbiran," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak yang menyediakan latihan untuk pegawai pula perlu menyesuaikan kandungan latihan itu agar ia sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

"Menambah nilai penting sebab pentadbiran sekarang sudah lain dari dulu. Cara kita tadbir dahulu lain dengan sekarang... lain dari segi sistem, perlu pendekkan

prosedur. Kita mesti berusaha ke arah itu supaya hasil kerja dapat diperolehi dengan cepat.

"Bukan sahaja cepat tetapi juga tepat dan menepati tujuan. Tapi ini bergantung kepada faktor manusia. Sebab itu perlu dibaiki, perlu ditambah (sikap) tanggungjawab, boleh dipercayai, komited, tidak membuang masa, bersemangat hendak menayakan sesuatu yang diamanahkan dan bukan kerja sambil lewa," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak boleh mudah berpuas dengan pencapaian sedia ada kerana orang lain terus meningkatkan usaha mereka untuk bersaing dan maju, dan jika sikap mudah berpuas hati ini ada, negara ini akan tertinggal.

Abdullah juga berkata, gandingan antara sektor awam, sebagai pemudah cara, dan sektor swasta, sebagai enjin untuk menggerakkan ekonomi negara, perlu ditingkatkan bagi memacu pembangunan ke arah yang lebih cemerlang.

- Bernama